

Bersatu kekang tempias kelembapan ekonomi global

B.H 14/10/08 M/S 24



RISIS kredit Amerika Syarikat (AS) kian meruncing sehingga menjajaskan ekonomi dunia. Sebahagian besar negeri di AS menghadapi ekonomi yang tenat sehingga tidak mampu membayar gaji pekerja awam dan terpaksa mendapatkan bantuan pinjaman daripada pihak Perbendaharaan Amerika Syarikat. Bank di Eropah juga dikatakan sudah tenat dan ada beberapa bank tutup. Dalam keadaan ekonomi global yang tenat ini, adakah negara kita dapat mengharungi cabaran ekonomi ini? Berdasarkan perkembangan semasa, Malaysia sebenarnya masih mampu bertahan daripada impak situasi ekonomi itu dan tidak akan mengalami kemelesetan, kerana ia masih mempunyai fundamental ekonomi yang kukuh. Kita mempunyai rizab yang selesa, hutang luar terurus, lebihan juga masih kukuh, simpanan domestik tinggi, kekukuhan rizab antarabangsa, memiliki sistem perbankan terkawal dan mata wang kita juga stabil dan tidak tertakluk kepada susut nilai. Malah, Malaysia dijangka tidak menerima kesan besar kerana struktur asas ekonominya yang lebih kukuh berbanding 10 tahun lalu. Misalnya, rizab negara sekarang sebanyak AS\$110 billion dapat menampung pembayaran import sehingga 9.3 bulan. Pasaran eksport produk negara juga tidak terlalu bergantung kepada AS, tetapi dipelbagai kepada pasaran negara Asia Barat, India, China dan Asean. Lagipun, produk negara kita yang berkualiti dan bernilai tinggi seperti minyak sawit, barangan elektrik dan sebagainya mendapat sambutan baik daripada pengguna negara berkenaan.

Destinasi eksport kini lebih pelbagai dengan 56.6 peratus adalah ke negara Asia Timur berbanding 48.8 peratus pada 1998. Walaupun berlaku kegawatan ekonomi khususnya di negara maju, pembangunan di rantau ini, meskipun lebih perlahan, akan terus menyokong perdagangan antara Asia. Keadaan kewangan institusi perbankan negara jauh lebih kukuh berbanding ketika krisis kewangan Asia pada 1997. Oleh itu, kita tidak perlu terlalu bimbang berhubung krisis ekonomi yang melanda AS malah kita harus berkeyakinan untuk menghadapi cabaran kewangan ini. Berkat usaha gigih dan kerjasama yang erat, kita boleh meneroka pasaran baru untuk produk dan perkhidmatan Malaysia. Bayangkan, kos yang ditanggung kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara melalui Danaharta ketika krisis kewangan 10 tahun lalu yang berjumlah RM12.5 billion. Kos itu masih rendah iaitu tiga peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berbanding 52.3 peratus di Indonesia, 23.1 peratus di Korea Selatan dan 34.8 peratus di Thailand. Apa yang penting sekarang ini ialah untuk semua pihak dan rakyat jelata memberi sokongan penuh kepada kerajaan untuk sama-sama memperkukuhkan ekonomi dan mengekang tempiaskelembapan ekonomi dunia. Perpaduan dan kerjasama semua pihak boleh membantu Malaysia menangani krisis ekonomi global.